

**Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Selasa, 4 Mei 2021**



**KENYATAAN MEDIA**  
**BAGI INDEKS PERDAGANGAN LUAR NEGERI,**  
**MALAYSIA, MAC 2021**

---

**Kedua-dua indeks nilai seunit eksport & import kekal positif  
2.2 peratus dan 1.0 peratus pada Mac 2021**

**PUTRAJAYA, 4 Mei 2021** – Kedua-dua indeks nilai seunit eksport dan import mencatatkan pertumbuhan positif pada Mac 2021, bulan ke bulan sebagai mana dilaporkan dalam laporan **INDEKS PERDAGANGAN LUAR NEGERI (2010=100), MAC 2021** pada hari ini. Laporan ini memaparkan statistik indeks nilai seunit dan indeks volum mengikut seksyen bagi eksport dan import barang.

Mengulas terhadap laporan tersebut, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, “Indeks nilai seunit eksport menunjukkan pertumbuhan positif 2.2% pada Mac 2021, didorong oleh kenaikan semua seksyen terutamanya minyak galian (+8.3%), minyak & lemak binatang & sayur-sayuran (+4.0%) dan alat jentera & kelengkapan pengangkutan (+1.0%). Sementara itu, indeks volum eksport turut mencatatkan trend yang sama dengan kenaikan dua digit 17.3%, disumbangkan oleh pertumbuhan indeks barang-barang keluaran kilang (+31.4%), alat jentera & kelengkapan pengangkutan (+25.4%) dan pelbagai barang keluaran kilang (+18.3%). Indeks volum eksport pelarasan bermusim merekodkan pertumbuhan kecil 0.3% daripada 162.7 mata kepada 163.1 mata. Berbanding tahun sebelumnya, kedua-dua indeks nilai seunit dan volum eksport masing-masing meningkat 2.3% dan 28.0%.”

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin turut berkata “Indeks nilai seunit import naik 1.0% pada Mac 2021 berbanding bulan sebelumnya. Kenaikan ini disumbangkan oleh prestasi

yang lebih baik bagi indeks minyak galian (+4.7%), alat jentera & kelengkapan pengangkutan (+0.7%) dan barang-barang keluaran kilang (+0.5%). Sementara itu, indeks volum import bertumbuh 14.8% pada Mac 2021 berbanding bulan sebelum, yang disumbangkan oleh pengembangan indeks bahan kimia (+23.0%), alat jentera & kelengkapan pengangkutan (+14.8%) dan barang-barang keluaran kilang (+13.7%). Indeks volum import pelarasan bermusim pada Mac 2021 berkembang 3.3% daripada 157.2 mata kepada 162.4 mata. Berbanding tahun sebelumnya, indeks nilai seunit import menyusut kecil 0.5% manakala indeks volum import meningkat 19.8%.”

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) turut melaporkan terma perdagangan Malaysia meningkat 1.2% bulan ke bulan daripada 101.5 mata kepada 102.8 mata pada Mac 2021. Berasaskan tahun ke tahun, terma perdagangan Malaysia turut kekal positif 2.9% daripada 99.9 mata pada Mac tahun lalu.

Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020) secara Bersemuka dan Dalam Talian (e-Census) sedang dilaksanakan di seluruh negara sehingga 30 Jun 2021. Semua penduduk Malaysia diseru untuk memberikan kerjasama dalam menjayakan Banci Malaysia 2020 bagi memastikan tiada yang ketinggalan kerana data anda masa depan kita. Sila layari portal Banci Malaysia 2020 di [www.mycensus.gov.my](http://www.mycensus.gov.my) atau media sosial @MyCensus2020 untuk maklumat lanjut.

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA**

**JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

**4 MEI 2021**

**Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Tuesday, May 4<sup>th</sup> 2021**



**MEDIA STATEMENT  
FOR EXTERNAL TRADE INDICES,  
MALAYSIA, MARCH 2021**

---

***Both the export & import unit value indices remained positive at 2.2 per cent and 1.0 per cent, respectively in March 2021***

**PUTRAJAYA, MAY 4, 2021** - Both export and import unit value indices registered an increase in March 2021 on monthly basis, as reported today in **EXTERNAL TRADE INDICES (2010=100), MARCH 2021**. This report presents the unit value and volume index by sections for both exports and imports of goods.

Commenting on the report, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician Malaysia, said "The export unit value index posted a positive growth at 2.2% in the same month, reflected by the growth in all sections, particularly mineral fuels (+8.3%), animal & vegetable oils & fats (+4.0%) and machinery & transport equipment (+1.0%). Similarly, the export volume index increased with a double digit growth of 17.3% in March 2021, contributed by the increases in the index of manufactured goods (+31.4%), machinery & transport equipment (+25.4%) and miscellaneous manufactured articles (+18.3%). The seasonally adjusted export volume index registered a marginal increase of 0.3% from 162.7 points to 163.1 points. When compared to the previous year, both the export unit value and volume indices rose 2.3% and 28.0%, respectively."

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin also commented, "The import unit value index increased 1.0% in March 2021 as compared with the previous month. The increment was contributed by the better performance of the index of mineral fuels (+4.7%), machinery & transport equipment (+0.7%) and manufactured goods (+0.5%). Meanwhile, the import volume index grew 14.8% in March 2021 as compared to the preceding month which was

*contributed by the expansion in the index of chemicals (+23.0%), machinery & transport equipment (+14.8%) and manufactured goods (+13.7%). The seasonally adjusted import volume index in March 2021 expanded 3.3% from 157.2 points to 162.4 points. On a year-on-year basis, the import unit value index declined marginally by 0.5% while the import volume index expanded 19.8%.”*

*Department of Statistics Malaysia (DOSM) also reported that Malaysia’s terms of trade rose 1.2% month-on-month from 101.5 points to 102.8 points in March 2021. On a year-on-year basis, Malaysia’s terms of trade also remained positive at 2.9% from 99.9 points in March of previous year.*

*The Malaysia Population and Housing Census 2020 (Malaysia Census 2020) via face to face and online (e-Census) is being conducted nationwide until 30<sup>th</sup> June 2021. All Malaysian residents are urged to cooperate in realising the success of Malaysia Census 2020 to ensure that no one is left behind as your data is our future. Please visit the Malaysia Census 2020 portal at [www.mycensus.gov.my](http://www.mycensus.gov.my) or social media @MyCensus2020 for more info.*

*Released by:*

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA**

**DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA**

**4 MAY 2021**